

BAB DUA
SEJARAH PERKEMBANGAN TULISAN JAWI
DI MALAYSIA

2.1. PENDAHULUAN

Tulisan Jawi ialah sejenis tulisan yang menggunakan huruf-huruf Arab di kepulauan Melayu¹. Pada zaman dahulu ia merupakan tulisan rasmi di negara-negara Islam rantau ini. Istilah ini digunakan di Malaysia, Singapura, Brunei, Thai Selatan dan Indonesia. Tulisan ini lebih dikenali sebagai tulisan Melayu huruf Arab.

Perkataan Jawi berasal dari bahasa Arab (جاوي) . Perkataan ini adalah kata adjektif bagi kata nama Arab “*Jāwah*” dan apabila dijadikan kata adjektif “*Jāwah*” menjadi “*Jāwi*”². Ibn Batutah³ telah menggunakan nama *al-Jawah* bagi merujuk kepada Nusantara⁴. Perkataan *Jawi* adalah nama bagi penduduk-penduduknya. Dengan itu nama *Jawah* dan *Jāwi* tidak hanya merujuk kepada kepulauan Jawa dan penduduknya sahaja bahkan ianya digunakan untuk seluruh daerah Asia Tenggara dan penduduknya sekali.

2.2. SEJARAH KEDATANGAN ISLAM DI TANAH MELAYU

Apabila kita ingin memperkatakan mengenai sejarah asal usul tulisan Jawi maka ianya tidak boleh dipisahkan dengan sejarah kedatangan Islam ke tanah Melayu . Dikatakan bahawa kedatangan Islam ke tanah Melayu berlaku

¹ Mahyudin Haji Yahya , *Ensiklopedia Sejarah Islam* , Penerbit UKM Bangi 1986, vol. II, hlm. 552.

² Amat Juhari Moain , *Sejarah Askara Jawi* , Perc. Dewan Bahasa Dan Puataka 1996, hlm. 17

³ Beliau adalah Muhammad ibn Abdullah seorang ahli pelayaran Arab yang masyhur yang berjaya mengelilingi dunia. Beliau lahir pada 703 H di Thanjah dan wafat pada 779H di Faas.

⁴ Ibn Batutah , *Rihlah Ibn Batutah* , Beirut 1964, hlm. 617-627.

serentak dengan Nusantara kerana tanah Melayu merupakan sebahagian daripada Nusantara . Brian Harison seorang sejarawan dari barat berpendapat bahawa Islam datang ke Nusantara di sekitar kurun ke 13 Masehi ⁵. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui catatan yang dibuat oleh Marco Polo dalam perjalanannya dari istana Khublai Khan dan singgah di bahagian utara Sumatera selama kira-kira lima bulan pada tahun 1292 M. Beliau mencatatkan bahawa Islam lebih banyak dianuti oleh penduduk Perlak yang terletak di sudut timur laut Sumatera ⁶ . Namun ada pendapat dari seorang ahli sejarah dari Belanda iaitu De Jong yang mengatakan bahawa Pasai adalah sebuah negeri Islam sebelum kedatangan Marco Polo ke daerah itu ⁷.

Pendapat yang mengatakan bahawa kedatangan Islam ke Nusantara pada kurun ke 13 dikuatkan dengan terjumpanya batu nisan makam Al-Malik Al-Salih sultan Pasai yang bertarikh 1297 Masihi . Dikatakan bahawa sultan tersebut sebelum masuk Islam terkenal dengan Merah Silu dan batu nisan tersebut menunjukkan bahawa bukan setakat rakyat sahaja yang memeluk Islam bahkan rajanya juga ⁸

Penulis berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Malaysia mempunyai kaitan yang rapat dengan kedatangan peniaga-peniaga Arab yang beragama Islam di Alam Melayu : Mereka ini kebanyakannya datang dari

⁵ Brian Harrison , *Asia Tenggara Suatu Sejarah Ringkas* , Kuala Lumpur 1966, hlm. 58

⁶ Rauf M.A. , *Ikhtisar Sejarah Islam* , terj. Rustam A. Sani, Kuala Lumpur 1987, hlm. 104

⁷ Josselin De Jong , *Agama Islam Di Gugusan Pulau-Pulau Melayu* ,terj. Abdullah Husin, Kuala Lumpur 1965, hlm. 43.

⁸ Fatimi S.Q. , *Islam Comes To Malaysia* , Singapura 1966, hlm. 10

Selatan Semenanjung Tanah Arab . Mereka telah sampai ke Cina dan mempunyai tempat tinggal dan pusat perniagaan di Canton ⁹

Saudagar Arab yang berada di Canton menjadi semakin ramai di sepuluh tahun pertama dari abad ke 7 dan dikatakan bahawa pada abad ke 8 Masihi bilangan Muslim di Canton meningkat sehingga membolehkan mereka menyerang negeri itu dengan mudah dan membawa rampasan perang ke negara mereka dengan selamat ¹⁰ . Sebagaimana yang diketahui bahawa gugusan kepulauan Melayu ialah jalan yang mesti dilalui oleh kapal-kapal pedagang Arab yang menuju Cina . Pelabuhan-pelabuhan di Pulau Sumatera dan Jawa menjadi tempat tumpuan untuk membeli rempah yang diperlukan di Eropah . Oleh itu sudah tentu pedagang-pedagang tersebut telah singgah di gugusan pulau-pulau Melayu dan berniaga di sana . Ini diakui oleh S.Q Fatimi yang mengatakan bahawa terdapat pergeseran antara saudagar Arab dan pedagang Melayu pada tahun 674 Masihi. ¹¹ . Bahkan di Jawa dikatakan terdapat orang Ta-Shih pada abad yang sama . Ta-Shih adalah gelaran bagi orang Arab atau Parsi yang beragama Islam. Wujudnya masyarakat Ta-Shih ini dikaitkan dengan peristiwa apabila mereka yang dikatakan bermustautin di Jawa telah menemui Ratu Sima dari kerajaan Kalingga yang terletak di Jawa Timur ¹² .

Sekiranya saudagar Arab telah sampai di gugusan kepulauan Melayu pada pertengahan abad ke 7 maka sudah tentu mereka telah menjalankan

⁹ Dr. Cesar Adib Majul , *Islam Di Timor Jauh* , (terj. Arab oleh Nabil Sabhi) , Beirut 1966, hlm. 17.

¹⁰ Ibid , hlm. 18.

¹¹ S.Q. Fatimi , Op. Cit. , hlm. 69.

¹² Hamka , *Dari Perbendaharaan Lama* , Kuala Lumpur 1981, hlm. 1-3

dakwah menyebarkan Islam di situ kerana ianya merupakan gesaan dari Allah sendiri sebagaimana firmanNya yang bermaksud : “ *Siapakah yang paling baik perkataanya dari mereka yang berdakwah ke jalan Allah seraya berkata sesungguhnya aku dari orang-orang Muslim* ”¹³

Dari fakta sejarah yang telah dipaparkan di atas dapatlah disimpulkan bahawa Islam telah sampai ke gugusan kepulauan Melayu pada abad ke 7 Masihi iaitu di persisiran pantai Sumatera¹⁴ . Dari segi geografinya kita dapati Malaysia tidak boleh dipisahkan dengan gugusan kepulauan Melayu dan oleh kerana kedudukan Malaysia berdekatan dengan Sumatera maka tidak mustahil pedagang-pedagang Arab itu telah sampai ke Malaysia dan menyebarkan dakwah Islam di sana lebih-lebih lagi selat Melaka merupakan jalan laluan kapal-kapal yang berulang alik ke Cina dari gugusan kepulauan Melayu .¹⁵ Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa Islam juga telah tiba di Malaysia pada abad ke 7 Masihi sebagaimana ianya telah sampai di pulau-pulau perdagangan di Indonesia pada abad yang sama .

2.3. SEJARAH ASAL USUL TULISAN JAWI

Setelah Islam bertapak dengan pesatnya di tanah Melayu maka berkembanglah usaha-usaha untuk mempelajari Islam dari sumbernya yang utama iaitu al-Qur'an dan hadith. Berdasarkan kepada fakta sejarah bahawa pendidikan Islam yang mula-mula diperkenalkan ialah berbentuk mengajar al-Qur'an dan

¹³ Surah Fussilat : 33

¹⁴ Panitia Seminar Sejarah Masuknya Islam Ke Indonesia , Medan : *Risalah Seminar Sejarah Masuknya Islam Ke Indonesia* , Persetakan Waspada Medan 1963, hlm. 265.

¹⁵ Lihat Wan Hussein Azmi, *Islam Di malaysia : Kedatangan Dan Perkembangan (Abad 7 – 20)* dalam *Tamaddun Islam Di Malaysia* , Kuala Lumpur 1980, hlm. 142

pembelajarannya dimulakan dengan pelajaran mengenal huruf-huruf . Maka untuk memudahkan lagi usaha penyebaran ilmu-ilmu Islam, ulama'-ulama' dan para muballigh Islam telah memperkenalkan suatu tulisan huruf yang menyerupai tulisan huruf Arab dikenali sebagai tulisan Jawi.

Tulisan Jawi berasal dari tulisan Arab yang telah dipinjam oleh orang-orang Melayu untuk menggantikan tulisan Hindu yang digunakan sebelum itu. Sebelum kedatangan Islam , bahasa Melayu telah mempunyai tulisannya sendiri iaitu tulisan Palava. Tulisan ini dapat dilihat pada prasasti di Kedukan Bukit (683), Talang Tuwo (684), Kota Kapur (686) dan Karang Brahi (686) ¹⁶.

Dengan kedatangan Islam maka banyak unsur – unsur Islam yang mempengaruhi bahasa dan tulisan Melayu . Banyak perkataan Arab yang diambil dan dimasukkan dalam bahasa Melayu samada dikekalkan sebutan dan ejaannya mahupun diserap dan disesuaikan lafaz dan ejaannya. Contoh kata-kata yang dikekalkan ialah seperti Allah, Malaikat , nabi , rasul dan lain-lain lagi ¹⁷ . Dengan itu penggunaan tulisan pengaruh India sudah tidak praktis lagi dalam suasana yang baru ini dan tulisan Arab telah digunakan untuk bahasa Melayu bagi menggantikan tulisan tersebut yang kemudiannya dikenali sebagai tulisan Jawi ¹⁸.

Huruf-huruf dalam tulisan Jawi diambil secara langsung dari bahasa Arab dan ada yang diambil dari bahasa Farsi-Hindi. Menurut Syed

¹⁶ Khalid Hussain & N. Siahaan, *Sumbangan Profesor J. Gonda Terhadap Penyelidikan Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur 1979, hlm. 1-2

¹⁷ Za'ba , *Ilmu Mengarang Melayu* , DBP Kuala Lumpur 1965 ,

¹⁸ Amat Juhari Moain (1996), *Op. Cit* , hlm. 16 -17

Muhammad Naquib Al-Attas bahawa huruf Jawi adalah campuran dari huruf-huruf Arab sebanyak 28 huruf dan ditambah pula dengan lima huruf dari bahasa Farsi dan Berber seperti

(ك ، ج ، غ ، في ، ن)¹⁹

Beliau juga berpendapat bahawa huruf 'ga' (گ) itu adalah bunyi yang terdapat antara huruf 'kaf' (ك) dan 'jim' (ج) dalam abjad Arab. Oleh itu ianya ditandakan dengan huruf 'kaf' bertitik satu diatas yang membawa maksud titik yang wujud pada huruf 'jim'. Manakala huruf 'cha' (چ) adalah terbentuk dari huruf 'ta' (ت) dan 'jim' (ج) dalam abjad Arab. Oleh itu bentuknya ialah 'jim' mempunyai tiga titik yang diambil dari dua titik pada huruf 'ta'. Huruf 'nga' (نغ) pula adalah terbentuk dari huruf ghain (غ), 'nun' (ن) dan 'ga' (گ). Dua titik pada 'nun' dan 'ga' ditambah pada huruf 'ghain' menjadi tiga titik diatas 'ain' (نغ). Manakala huruf 'pa' (پ) diambil dari huruf 'ba' (ب) dan 'fa' (ف) dan ditambah lagi satu titik untuk mengelakkan kekeliruan dengan huruf 'qaf' (ق). Dan akhirnya huruf 'nya' (ن) pula terjadi dari 'nun' (ن) dan 'ya' (ي) menjadi huruf 'nun' bertitik tiga yang diambil dari huruf 'ya'²⁰.

Tulisan Arab telah digunakan di tanah Melayu semenjak Islam mula bertapak di situ lagi ini kerana bahasa bagi agama Islam ialah bahasa Arab dan al-qur'an yang menjadi sumber rujukan dalam Islam juga adalah berbahasa Arab. Namun tarikh sebenar bilakah tulisan Arab ini dipinjamkan oleh orang Melayu masih tidak dapat dipastikan lagi. Dari segi bukti, terdapat lima buah

¹⁹ Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, Penerbit ABIM 1984, hlm. 41.

²⁰ Ibid, hlm. 41.

prasasti utama yang ditemui yang menunjukkan tulisan Arab telah digunakan di alam Melayu . Prasasti-prasasti tersebut ialah :-

- a) Batu nisan makam Syeikh Abdul Qadir Ibn Husin Syah Alam, di Langgar Alor Setar Kedah yang bertarikh 290 H bersamaan 910 M²¹. Penemuan batu nisan ini telah menolak pendapat yang menyatakan bahawa Islam mula diterima oleh penduduk Kedah berlaku pada akhir abad ke 15 Masihi²². Ini adalah kerana sekiranya batu nisan itu ditemui bertarikh 910 Masihi sudah barang tentu penduduk di Langgar Kedah telah lebih awal menganut Islam sebelum tarikh yang tertera di batu nisan tersebut.
- b) Batu nisan yang ditemui di Pekan Pahang , subuh hari Rabu 14 Rabiul Awal 419H (1026 M)²³.
- c) Batu nisan yang ditemui di Phanrang , Vietnam yang bertarikh 431H bersamaan 1039 M²⁴.
- d) Batu nisan puteri Sultan Abdul Majid Ibn Muhammad Shah yang bertarikh 440H bersamaan 1048M di tanah perkuburan Islam , jalan residensi Bandar Seri Begawan , Brunei²⁵.
- e) Batu nisan Fatimah bt. Maimun bin Hibat Allah bertarikh 475 H bersamaan 1082 M di Leran Grisek, Jawa Timur²⁶.

²¹ Haji Abdullah Ishak , *Tulisan Jawi Dan Hubungannya Dengan Pelajaran Dan Pendidikan Islam Di Malaysia* , dalam *Islamika* 1980, hlm. 184 Lihat juga buku beliau *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)* , Selangor 1990, hlm. 153-154

²² Rauf M.A. Op Cit., hlm. 104

²³ Mohd. Mokhtar syafei, *Batu Nisan Kurun ke- 5H/10M Di Pekan Pahang* ,dalam *Tamaddun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur 1980, hlm. 13-28

²⁴ S.Q. Fatimi , *Islam Comes to Malaysia*, Singapura 1963, hlm. 43-45.

²⁵ Abdul Latif H. Ibrahim & Dato' Sharifuddin, *The Discovery of an Ancient Muslim Tombstone in Brunei*, BMJ, 1979, vol. 4, hlm. 36. Lihat juga Harun Mat Piah & Ismail Hamid, *Koleksi Manuskrip Melayu di Brunei : Satu Maklumat Awal*, dalam *Sari*, bil. 2 Julai 1983, hlm. 105

²⁶ S.Q. Fatimi, Op. Cit., hlm. 38-42.

Daripada kelima-lima penemuan itu telah menjadi suatu bukti yang kukuh bahawa tulisan Arab telah wujud di Asia Tenggara sejak abad ke-10M lagi. Namun demikian prasasti-prasasti tersebut adalah ditulis dengan bahasa Arab dan belum ada yang ditulis dengan bahasa Melayu .

Namun demikian pada kira-kira tiga ratus tahun lebih kemudian daripada prasasti pertama yang bertulis Arab barulah ditemui prasasti berbahasa Melayu yang menggunakan tulisan Jawi . Prasasti tersebut ialah prasasti Trengganu yang ditemui di Kuala Berang Trengganu yang bertarikh pada hari Jumaat 4 rejab 702 H bersamaan 22 haribulan Februari 1303 M ²⁷ . Prasasti ini ditulis di empat penjuru dengan bahasa Melayu huruf Jawi dan mengandungi hukum syara' yang wajib dipatuhi oleh semua rakyat. Batu itu telah ditemui oleh orang-orang kampung di situ dan ianya dijadikan sebagai pelapik untuk membasuh kaki sebelum naik ke dalam surau. Penemuan pertama ini dianggarkan berlaku pada 1887 ²⁸ .

Bentuk tulisan Jawi pada prasasti ini ialah tulisan khat nasakh yang mudah dibaca dan ada menyebut nama Tuhan dengan panggilan "Dewata Yang Mulia" ²⁹ . Namun kerana usianya yang terlalu lama disamping ianya telah digunakan untuk pelapik kaki maka terdapat beberapa bahagian yang telah haus.

Prasasti ini merupakan satu kesan sejarah Islam yang terpenting dijumpai di Malaysia kerana ianya telah membuktikan dengan jelas betapa

²⁷ Al-Attas, *The Correct Date of The Trengganu Inscription* , Kuala Lumpur 1970, hlm. 1.

²⁸ Muhammad Saleh Hj. Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H/1918 M*, Kuala Lumpur 1983.

²⁹ Josselin De Jong , Op.Cit. , hlm. 83.

ajaran Islam sebenarnya telah dilaksanakan dan diamalkan dengan sempurna dan kuat pada kurun ke 14 . Di samping itu ianya juga menunjukkan bahawa negeri Trengganu telah menjadi pusat da'wah Islam di Pantai Timur Semenanjung Malâysia dan sebab itu tidak hairanlah kenapa Trengganu kini digelar sebagai Darul Iman bermaksud negeri iman.

Dari segi manuskrip pula , tulisan Jawi yang tertua bertarikh pada 998H/1590 M iaitu naskhah bagi kitab “ 'Aqâid al-Nasafi ”³⁰. Kemudian barulah timbul buku-buku yang lain seperti manuskrip Tuti Namah, Surat izin berniaga daripada Sultan Alauddin Riayat Syah sultan Aceh kepada Sir Henry Middleton³¹ yang bertarikh 1602M, Manuskrip Hikayat Sri Rama dan lain-lain lagi.

2.4. SEJARAH PENYEBARAN DAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI

Mengikut sejarah , tulisan Jawi tersebar luas di Asia Tenggara bukan sahaja pada kawasan-kawasan yang menggunakan bahasa Melayu bahkan tersebar juga penggunaannya di daerah-daerah lain . sebagai contohnya kita dapati bahasa Jawa di pulau Jawa menggunakan tulisan Jawi yang disebut tulisan “pegon”. Manakala orang-orang Bugis di Sulawesi Selatan menggunakan tulisan Jawi yang disebut tulisan “serang” yang berasal dari tulisan Arab/Jawi juga³².

³⁰ Al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of The 'Aqid of The al-Nasafi*, Kuala Lumpur 1988, hlm 1.

³¹ Beliau ialah seorang kapten berbangsa Inggeris yang datang ke Aceh untuk berniaga di situ.

³² Amat Juhari Moain , *Sejarah Tulisan Jawi* dalam *Jurnal Dewan Bahasa* , November 1991 ,hlm. 1002

Di Champa Vietnam juga terdapat di antara penduduknya yang menggunakan tulisan Jawi di samping tulisan Champa sendiri yang dipinjam dari tulisan Hindu. Banyak buku-buku Islam yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang Islam Champa yang menggunakan tulisan Jawi. Bahkan terdapat juga kalendar Champa yang ditulis dengan tulisan Jawi³³.

Selain dari itu, penduduk-penduduk Melayu yang tinggal di Kemboja dan Thailand Selatan juga menggunakan tulisan Jawi dalam penulisan mereka. Mereka telah menggunakan tulisan ini sejak abad ke 17 hingga ke 19. Bukti yang kukuh dapat kita lihat melalui lahirnya beberapa buah kitab agama yang ditulis dengan tulisan Jawi oleh ulama'-ulama' mereka seperti kitab "Furū' al-Masā'il" karangan Sheikh Daud Patani dan "Matla' al-Badraiyn" karangan Syekh Muhammad Ismail bin Daud al-Fatani. Kitab-kitab ini sangat berharga buat mereka sebagai rujukan bagi mendalami ilmu-ilmu Islam.

Begitu juga di Aceh, kita dapati tulisan Jawi telah digunakan untuk bahasa Melayu dan Aceh semenjak sebelum zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606 - 1636) hinggalah ke zaman-zaman yang terkemudian. Banyak buku-buku agama yang telah ditulis dengan tulisan Jawi termasuklah sebuah kitab tafsir al-Qur'an yang masyhur iaitu terjemahan tafsir "al-Baiḍāwi"³⁴.

³³ Anntoine Cabaton, "*Orang Cam Islam di Indocina Perancis*" dalam *Ecole Francaise Dextreme - Orient. "Kerajaan Campa"*, Jakarta: Balai Pustaka 1981, hlm. 217-261.

³⁴ Sebuah kitab tafsir yang terkenal karangan Abdullah ibn Umar Abu al-Khaiyr Nasiruddin al-Baidawi meninggal dunia pada 685 H/1286 M. Beliau dilahirkan di Baida' berhampiran dengan bandar Syiraz di Iran.

Dalam hubungan ini Aceh telah melahirkan beberapa orang tokoh ulama' dan pujangga yang agung antaranya ialah Hamzah Fansuri dengan karyanya yang terkenal "Syarāb al-Āsyiqīn" dan "Asrār al-Āarifīn" dan muridnya Syamsuddīn al-Sumatrani juga Bukhari al-Jawhari dengan karyanya "Tāj al-Salāṭīn" dan tidak kurang pentingnya tokoh seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri" dengan karyanya yang terkenal "Bustān al-Salāṭīn" dan "Asrār al-Insān" ; juga Abdul Rauf Singkil penterjemah sulung al-Qur'an dan tafsirannya ke dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi ³⁵. Terdapat juga surat-surat resmi sultan yang diutus kepada wakil-wakil raja dari luar dan peniaga-peniaga dari barat ke timur ditulis dengan tulisan Jawi. Sebagai contoh yang jelas kita dapati sultan Aceh pernah menulis surat izin berniaga kepada Middleton seorang kapten Inggeris pada tahun 1602 dengan menggunakan bahasa Melayu yang bertulisan Jawi.

Dalam kerajaan-kerajaan Melayu di kesultanan Serdang, langkat, Deli, Tanjung Pura, Siak, Jambi, Riau, Lingga, Palembang dan lain-lain lagi di Sumatera telah menggunakan tulisan Jawi dalam urusan-urusan kerajaan. Sehingga sekarang kita masih boleh dapati bahan-bahan sejarah ,surat menyurat dan lain-lain yang ditulis dengan tulisan Jawi di dalam khazanah Istana Maimun di Medan dan di istana Sultan Siak Seri Indera Pura, Riau

Di daerah Minangkabau tulisan Jawi memainkan peranan penting terutamanya dalam usaha penulisan buku-buku dan kitab-kitab agama. Banyak buku-buku yang telah ditulis dengan tulisan Jawi oleh ulama'-ulama' dari

³⁵ Abdullah al-Qari , *Tokoh-Tokoh Sejarah Islam*, Nawi Book store 1979, hlm. 75 – 80.

Minangkabau yang menjadi rujukan masyarakat Islam di sana hingga sekarang.

Di Brunei tulisan Jawi telah tersebar luas penggunaannya sejak Islam mula bertapak di sana. Tulisan Jawi bukan sahaja digunakan secara meluas di Brunei bahkan di negeri lain seperti Sarawak, pantai barat Sabah hingga ke Filipina Selatan dan tengah. Di Brunei hingga sekarang penggunaan tulisan Jawi masih meluas seperti yang terdapat di kepingan-kepingan batu, batu-batu nisan, papan-papan tanda, tembok-tembok masjid, istana dan lain-lain lagi. Bahkan kita dapati jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian masih lagi ditulis dengan tulisan Jawi.

Di pulau Madura, raja-raja pada abad yang lalu ada yang menulis surat berbahasa Melayu dengan tulisan Jawi kepada wakil raja Belanda di Jakarta. Ramai wakil-wakil Belanda pada masa itu yang belajar tulisan Jawi dari penduduk tempatan untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan rakyat.

Di Singapura, Munshi Abdullah³⁶ telah memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan penggunaan tulisan Jawi, bahkan sejarah telah mencatatkan bahawa Crawford Raffles sendiri pernah mempelajari bahasa Melayu dan tulisan Jawi dengannya³⁷.

³⁶ Beliau adalah Abdullah Bin Abdul Kadir Munshi lahir pada 1796 di Kampung Masjid dan meninggal pada 1854 di Jeddah ketika berusia 58 tahun. Buku beliau yang terkenal ialah "*Kisah Pelayaran Abdullah*" yang ditulis pada 1818 dan diterbitkan semula pada tahun 1965 di Singapura.

³⁷ Shellabear, W.G., *Hikayat Abdullah*, Singapura 1947, hlm. 62.

Di Malaysia pula kita dapati seorang ulama' Trengganu bernama Tok Ku Pulau Manis telah menterjemah dan mensyarahkan sebuah kitab yang asalnya berbahasa Arab diberi nama "*Syarah Hikam Melayu*". Beliau hidup di antara tahun 1650 – 1736 M. Naskhah tulisan ini dalam bentuk tulisan tangan dipercayai telah tersebar di seluruh alam Melayu sejak abad ke 18 lagi. Menurut maklumat yang diperolehi bahawa naskhah kitab ini dalam bentuk cap batu sudah dikenali oleh masyarakat Riau (Pulau Penyengat) seawal tahun 1836 M. Sejauh yang dapat dikesan naskhah cetak dalam bentuk yang ada sekarang bermula bulan Syawal 1302 H bersamaan Julai 1885 di Mekah atas usahasama Syeikh Wan Ahmad Bin Wan Muhammad Zain al-Fatani dan sepupunya Syeikh Daud al-Fatani³⁸.

Selain itu terdapat seorang lagi ulama' agung yang banyak menghasilkan karya penulisan dalam tulisan Jawi bernama Tuan Hasan Besut yang berasal dari Patani. Beliau telah menulis dua buah buku iaitu *Hidāyat al-Mukhtār* (1833) dan *Ayyuha al-Walad* sebuah terjemahan dari karya asal al-Ghazāli ketika beliau berada di Mekah tahun (1857).

Di Kelantan pula seorang ulama' Melayu yang masyhur bernama Tuan Tabal atau nama penuhnya Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani telah menghasilkan 8 karya penulisan di antaranya ialah *Mumabbih al-Ghāfilīn* (1868), *Jalā' al-Qulūb bi Zikr Allāh* (1870), *Kifāyat al-'Awām fī mā Yajibu 'Alaihim min Umūr al-Islām* (1878), *Bidāyat Ta'lim al-'Awām fī*

³⁸ Abdul Razak Mahmud, *Persuratan Islam Di Kelantan, Trengganu dan Patani sehingga Awal Abad ke-20*, dalam *Pengasuh*, bil. 566, Oktober – November 2000, hlm.

AS10789981

Turuq min Arkân al-Islâm (1906)) dan lain-lain lagi yang kebanyakannya ialah buku-buku yang membicarakan ilmu tasawwuf.

Selain di Asia Tenggara, terdapat juga negara luar yang pernah menggunakan tulisan Jawi untuk penerbitan akhbar Melayu seperti yang berlaku di Sri Lanka . Orang-orang Melayu yang tinggal di sana menerbitkan akhbar Melayu yang bertulisan Jawi pada tahun 1869 iaitu tujuh tahun lebih awal daripada terbitnya akhbar “Jawi Peranakan” yang selama ini dianggap sebagai akhbar Melayu yang tertua. Akhbar tersebut diberi judul “Alamat Langkapuri”³⁹ .

Di Mekah dan Mesir terdapat juga penggunaan tulisan Jawi untuk kitab-kitab bahasa Melayu yang dikarang oleh ulama'-ulama' Melayu yang tinggal di sana seperti Sheikh Ahmad Khatib, Muhammad Idris al-Marbawi dan Sheikh Abdul Qādir al-Mandili. Di antara kitab-kitab karangan mereka yang termasyhur ialah kitab “Penawar Hati” dan “Kamus al-Marbawi” yang menjadi bahan rujukan awalan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam memahami bahasa Arab. Sehingga sekarang kamus ini masih lagi terjual di toko-toko buku yang terdapat di Mesir.

Mengikut sejarah , terdapat orang-orang Melayu yang telah dibuang ke Afrika Selatan ⁴⁰ , maka tidak mustahil sekiranya tulisan Jawi dalam bahasa Melayu pernah digunakan oleh mereka di sana untuk tujuan surat menyurat

³⁹ Amat Johari Moain , *Sejarah Tulisan Jawi* , dalam *Jurnal Dewan Bahasa* , jilid 35 bil. 11, Nov. 1991, hlm.1003.

⁴⁰ A. Teeuw , *A Critical Survey of Studies on Malay and Bahasa Indonesia* , Gravenhage – Martinus Nijhof 1961, hlm. 49

dan sebagainya. Namun demikian oleh kerana kehidupan mereka telah terserap ke dalam masyarakat di Afrika Selatan maka lama kelamaan tulisan Jawi turut pupus dimamah zaman.

Dari segi kegunaan tulisan Jawi ianya dapat dilihat dari berbagai bentuk di antaranya kita dapati tulisan Jawi terawal berupa prasasti yang terpahat di Trengganu. Pada prasasti itu telah tertulis undang-undang Islam yang diamalkan di Trengganu pada ketika itu. Prasasti di Pahang pula merupakan batu nisan kepada raja yang telah mangkat.

Manuskrip Melayu tertua pula ialah kitab "Aqāid al-Nasafi" . Asal kitab ini adalah karangan Abū Hafs Umar ibn Muhammad idn Ahmad al-Nasafi (537 H/1142 M) iaitu seorang ulama feqah dan Usuluddin . Syed Muhammad Naquib Al-Attas telah mengkaji manuskrip ini dalam buku beliau "The Oldest Known Malay Manuscript : A 16th Century Malay Translation of The 'Aqāid Al-Nasafi ". Kitab ini mengandungi ajaran aqidah dan Usuluddin . Di akhir helaian manuskrip ini tertulis tarikh ianya selesai ditulis iaitu pada hari Sabtu 998 H bersamaan 1590 M⁴¹

Manakala manuskrip Tuti Namah dan Hikayat Sri Rama pula mengandungi cerita hikayat Melayu klasik. Selain dari itu surat izin berniaga kepada Sir Harry Middleton adalah merupakan surat yang diutus oleh Sultan dengan tulisan Jawi berbahasa Melayu.

⁴¹ Syed Muhammad Naquib Al-Attas , *The Oldest Known Malay Manuscript : A 16th Century Malay Translation of The 'Aqa'id Al-Nasafi* , Percetakan U.M Kuala Lumpur 1988, hlm. 9

Tulisan Jawi berpotensi dalam bidang keilmuan dan persuratan Melayu hingga ke zaman penjajahan Barat. Dalam pertengahan abad ke 18 hingga awal abad ke 20 ianya masih lagi digunakan secara meluas di kalangan orang Melayu dalam urusan mereka samada yang rasmi atau tidak rasmi. Tulisan Jawi dianggap sebagai penyambung lidah orang Melayu. Tulisan ini sering digunakan oleh sultan-sultan untuk menulis surat perjanjian atau surat rasmi samada di antara orang Melayu atau dengan penjajah Inggeris. Begitu juga segala arahan –arahan Sultan kepada rakyat terdapat dalam tulisan Jawi. Buku-buku ilmiah, kitab-kitab agama dan buku-buku kesusasteraan pada zaman silam adalah dengan tulisan Jawi ⁴².

Selain dari itu tulisan Jawi juga digunakan untuk catatan-catatan barang perniagaan yang keluar masuk serta cukai-cukai yang dikenakan. Selain dari itu suatu perkara yang dianggap penting juga ialah tulisan Jawi digunakan pada suatu ketika dahulu untuk dijadikan rajah-rajah dalam tangkal dan azimat yang digunakan untuk tujuan tertentu.

Setelah orang Melayu mengetahui sedikit sebanyak mengenai percetakan maka tulisan Jawi telah digunakan untuk menerbitkan buku-buku, akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Buku-buku yang telah diterbitkan seperti “Tāj al-Salāṭīn” dan “Hikayat Hang Tuah”, kitab-kitab agama seperti “Furū’ al-Masāil” dan “Saiyr al-Salikīn”, akhbar-akhbar seperti “Alamat Langkapuri” dan “Jawi Peranakan”, dan majalah-majalah seperti “al-Imām” dan “al-Munir” dan lain-lain lagi

⁴² M Nor Ngah, *Kitab Jawi : Islamic Thought of The Malay Muslim Scholar*, Singapura 1983 hlm. 1-7

2.4. SEJARAH PERKEMBANGAN HURUF DAN EJAAN JAWI

Semenjak prasasti Trengganu dijumpai sehingga ke tarikh dan saat ini kita dapati tulisan Jawi telah banyak berkembang dari segi huruf dan ejaannya. Walaupun berbagai rintangan yang dilalui namun tulisan Jawi masih hidup dan digunakan lagi sehingga sekarang dan akan sentiasa diperlukan kerana banyak lagi manuskrip-manuskrip lama yang masih tertulis dengan tulisan Jawi . Selama mana wujudnya golongan pencinta tulisan warisan turun temurun ini maka selama itulah tulisan Jawi akan terpelihara ketuanannya. Oleh kerana terdapat persamaan yang nyata antara tulisan al-Qur'an dan tulisan Jawi maka tidak keterlaluan jika dikatakan tulisan Jawi akan terpelihara sebagaimana Allah memelihara keaslian al-Qur'an itu sendiri. Firman Allah Ta'ala yang berbunyi:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya “ *Sesungguhnya kami telah menurunkan al-Zikr (al-Qur'an) dan kami jualah yang memeliharanya*”⁴³ .

Namun demikian penggunaan tulisan Jawi telah merosot akibat penggunaan tulisan rumi sejak barat menjajah Tanah Melayu ditambah lagi dengan usaha-usaha mempermosikannya sehingga tulisan Jawi akhirnya semakin terpinggir dan terasing dari generasi muda. Akibat daripada itu ramailah anak-anak muda yang tidak mahir membaca Jawi apatah lagi menulisnya.

⁴³ Surah al-Hijr : ayat 9

Walaupun bagaimanapun sejak akhir-akhir ini kerajaan Malaysia telah mula membuka mata dan mengetahui betapa pentingnya tulisan Jawi ini bagi orang Melayu maka usaha untuk menghidupkan kembali zaman kegemilangannya telah dilakukan. Berkat usaha tindakan ini, tulisan Jawi mula berkembang semula sehinggakan sekolah rendah dan menengah pun menjadikan tulisan Jawi sebagai salah satu pelajaran yang mesti dipelajari.

2.4.1. Tahap Perkembangan Huruf Jawi

Sebagaimana yang telah dibincangkan pada awal bab ini, huruf-huruf Jawi adalah dipinjam dari huruf-huruf Arab Parsi. Huruf-huruf tersebut ialah:-

ا ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز س ش ص

ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن و ه ي

Huruf-huruf ini telah diterima pakai untuk menampung ejaan perkataan bahasa Melayu dan bahasa Arab yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu contohnya perkataan *wudhū*, *azān*, *salawat* dan lain-lain lagi. Namun demikian huruf-huruf Arab ini tidak dapat memenuhi semua keperluan bahasa Melayu kerana disana terdapat fonem-fonem dalam bahasa Melayu yang tiada lambangnya dalam huruf Arab. Oleh sebab itu orang Melayu meminjam huruf Parsi-Hindi dan disesuaikan dengan ejaan Melayu seperti huruf 'ga', 'cha', 'nga', 'nya' dan 'pa'.

Tulisan Jawi yang digunakan dalam Batu Bersurat Trengganu yang bertarikh 1303 M. terdapat sedikit perbezaan dengan apa yang kita gunakan sekarang. Sebagai contohnya tidak terdapat angka dua dalam batu tersebut .Ini dapat dibuktikan dengan perkataan laki-laki dieja dengan (لاکى لاکى) , sepatutnya dieja dengan (لاکى ۲) dengan meletakkan angka dua di hujung perkataan . Ini bermakna angka dua (۲) belum lagi digunakan ketika itu .

Dalam kitab “Aqāid Al-Nasafi” pula iaitu manuskrip tertua yang ditemui bertarikh 998 H bersamaan 1590 M terdapat banyak perkataan Melayu ataupun kata Arab yang telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu yang menggunakan tanda-tanda baris. Antara perkataan tersebut ialah :-

بَرْتَنَنْغُ بَقِيتْ سَتْرُو اَزَلِي

Perkataan tersebut telah ditulis dengan diberikan baris untuk mudah dibaca dan sekaligus kita dapati bahawa pengaruh tatabahasa Arab terdapat dalam tulisan tersebut

Sebuah kitab tua yang dikarang oleh Bukhari jauhari yang bertajuk “Tāj al-Salāḥīn” pada tahun 1603 M dan mula dicetak pada 1827 di Batavia . Buku ini telah menunjukkan kepada kita bahawa terdapat beberapa huruf Jawi yang agak berbeza sedikit dengan tulisan yang ada sekarang. Antaranya ialah huruf (كْ) dalam kitab tersebut ditulis dengan tiga titik di bawah (كَ) . Manakala tiga titik yang terdapat pada huruf (كَ) tidak ditetapkan pada

2.4.2. Tahap Perkembangan Ejaan Jawi

Menurut Kang Keung Seuck seorang Profesor dalam Jabatan Pengajian Malaysia, Indonesia dan Brunei di Pusan University of Foreign Studies Korea Selatan mengatakan bahawa sistem ejaan Jawi dalam bahasa Malaysia telah melalui empat tahap perkembangannya dan pada setiap tahap ada sebutannya yang tertentu⁴⁶. Tahap-tahap tersebut ialah:-

1. Tahap pertama ialah mengikut sistem Arab sepenuhnya. Dalam tahap ini ejaan Jawi dieja dengan menggunakan baris-baris seperti yang terdapat dalam bahasa Arab seperti baris atas (*fathah*), bawah (*kasrah*), hadapan (*dammah*), mati (*sukūn*) dan Sabdu (*syaddah*). Sebagai contohnya kita dapati perkataan (dia) akan dieja dengan (دِي), aku dieja dengan (أَك), budi dieja dengan (بُدِي) dan lain-lain lagi. Sistem ini mempunyai kelemahan yang amat nyata di mana terdapat banyak tanda-tanda baris yang akan menyebabkan lambatnya proses penulisan sesuatu perkataan. Penulis terpaksa meletakkan baris-baris tertentu untuk membolehkan ianya dibaca. Selain itu tidak terdapat baris yang mewakili vokal tengah (e) contohnya pada perkataan 'kedai'. Itu sebabnya di kalangan orang Jawa yang menggunakan tulisan Jawi Jawa (pegon) telah meletakkan tanda (˘) pada huruf konsonan yang bervokal tengah (e) contohnya :

كِنِي = geni bermakna api.

⁴⁶ Kang Kyoung Seuck, *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*, DBP Kuala Lumpur 1990, hlm. 35

2. Tahap kedua , menghilangkan baris-baris sama seperti tulisan Arab gondol .Tulisan Jawi pada tahap ini masih dipengaruhi oleh sistem ejaan Arab, iaitu dengan mengekalkan ejaan serta huruf-huruf yang sedia ada tetapi dihilangkan baris-barisnya .Contohnya ialah perkataan 'agama' dieja dengan (ا ك م) tanpa meletakkan sebarang baris. Pada tahap ini terdapat terlalu banyak kelemahannya kerana banyak menimbulkan kekeliruan ketika membacanya. Ianya kerap menimbulkan wujudnya banyak perkataan yang sama ejaannya tetapi berlainan sebutannya. Contoh yang jelas kita lihat pada perkataan (ت م ب ع) : perkataan ini boleh dibaca dengan tambang, tumbang, tembung, tembang, timbang atau tembung.

Jelasnya sistem ejaan tulisan Jawi pada tahap kedua ini banyak menimbulkan kekeliruan dan kecelaruan akan tetapi sistem inilah yang dipertahankan oleh Wilkinson seorang jaguh orientalis yang bekerja di tanah Melayu semasa di bawah jajahan Inggeris⁴⁷. Beliau mempertahankan sistem ini kerana kononnya itulah sistem ejaan tulisan Jawi yang paling asli bagi bahasa Melayu⁴⁸. Tahap pertama dan kedua ini masih mempunyai pengaruh Arab dan bentuk ini dianggarkan bertarikh lebih kurang tahun 1200 M⁴⁹.

3. Tahap ketiga , sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu. Dalam tahap ini telah diwujudkan huruf-huruf saksi iaitu (alif), (waw) dan

⁴⁷ Wilkinson , *A Classic Jawi – Malay – English Dictionary* , Melaka 1985.

⁴⁸ Amat Juhari Moain ,*Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan* , dalam *Jurnal Dewan Bahasa* ,Jilid 35 bil. 7, Julai 1991, hlm. 610

⁴⁹ Kang Keung Seuck , *Op Cit* , hlm 35.

(ya). Huruf-huruf saksi ini hanya diletakkan pada suku kata pertama dalam setiap perkataan contohnya perkataan 'kuda' yang mempunyai dua suku kata akan dieja dengan (كود). Namun demikian tahap ketiga ini masih mempunyai kelemahannya kerana ianya masih lagi menimbulkan kekeliruan contohnya pada perkataan (لاف) ianya boleh dibaca dengan 'lagu', 'lagi' dan 'laga'. Oleh kerana wujud kelemahan tersebut, maka ianya telah disempurnakan dengan tahap yang keempat

4. Tahap keempat, ditambah huruf saksi pada suku kata kedua dan bukan hanya pada suku kata pertama sebagaimana tahap ketiga. Maka dengan wujudnya sistem ejaan tulisan tahap keempat ini maka banyak kekeliruan yang dapat diatasi kerana ianya lebih sempurna dari sistem-sistem ejaan sebelumnya. Sistem inilah yang sebahagiannya digunapakai oleh sistem ejaan Pakatan Bahasa Johor (1937) dan Sistem Ejaan Za'ba (1938).

2.5. TULISAN JAWI DAN SUMBANGANNYA DALAM

PENYEBARAN ISLAM DI ALAM MELAYU

Sebagaimana yang telah dibincangkan di awal bab ini bahawa orang-orang Melayu sebelum kedatangan tulisan Jawi telah mempunyai tulisan mereka sendiri. Dengan kedatangan Islam maka diperkenalkan pula tulisan Jawi sebagai media untuk berkomunikasi sesama mereka dan dijadikan sebagai tulisan untuk mendalami ilmu Islam. Jika ingin dikumpulkan semua hasil karya dalam tulisan Jawi yang berhubung dengan soal-soal keagamaan maka dapatlah dibahagikan kepada karya-karya yang berkaitan dengan perukunan seperti rukun Islam dan rukun Iman serta cara-cara beribadah, kitab-kitab ilmu teras, kisah-kisah Nabi, kisah – kisah Sahabat, hikayat pahlawan Islam dan kitab mengenai kedukunan atau perubatan.

Tulisan Jawi sebenarnya telah menarik minat orang-orang yang tinggal di Alam Melayu untuk memeluk Islam. Ini dapat dilihat dengan jelas dengan kemasukan ramai cendekiawan-cendekiawan bukan Islam ke dalam Islam. Mereka telah tertarik dengan Islam melalui pembacaan kitab suci al-Qur'an yang telah diterjemahkan. Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam bukunya "*Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*" pernah menegaskan bahawa al-Qur'an itu tiba di kepulauan Melayu bersamaan dengan Islam. Bahkan memang menjadi sifat Islam bahawa ke mana ia pergi bertapak wajiblah al-Qur'an itu turut serempak dengannya. Pengaruh dan kesannya terhadap masyarakat Melayu-Indonesia itu tiada tolok bandingnya.⁵⁰

⁵⁰ Al-Attas, Op. Cit., hlm. 29-30.

Di samping itu bagi orang-orang Melayu yang telah mempunyai kebolehan dalam membaca Jawi mereka juga terdedah kepada kitab-kitab agama. Selain al-Qur'an, kitab-kitab ini juga membawa ajaran yang ghaib dan perkara-perkara yang berbentuk sam'iyāt yang memudahkan orang-orang Melayu menerima Islam.

Tulisan Jawi juga memberi sumbangan untuk menghayati ajaran-ajaran Islam terutama mengenai 'aqidah dan peraturan beribadah. Kitab-kitab seperti ini telah ditulis sejak zaman Samudra Pasai dan diikuti dengan zaman Melaka. Orang-orang Melayu belajar secara berguru menerusi kitab-kitab itu termasuklah sultan dan pembesar-pembesarnya.

Selain dari itu tulisan Jawi juga telah memperteguhkan kerajaan Islam yang wujud di kala itu. Sebahagian karya ulama' Islam mendedahkan cara mentadbir sesebuah kerajaan secara Islam. Ini dapat dilihat pada buku "Tāj al-Salāṭīn" karangan Bukhari Jawhari. Dalam kitab ini disebutkan sejarah pentadbiran Islam dan kisah raja-raja yang boleh menjadi tauladan kepada pemerintah. Demikian juga kitab "Bustān al-Salāṭīn" karya Syeikh Nuruddin yang ditulis atas titah perintah Sultan Iskandar Thani pengganti Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Di samping itu kitab "Hukum Hukum Qanun Melaka" meliputi seluruh segi hidup yang mengenai adat raja, larangan, tanggungjawab pegawai-pegawai kerajaan hingga kepada hukum bunuh, curi, samun, zina dan nikah kahwin⁵¹.

⁵¹ Anas Haji Ahmad, *Sastera Melayu Lama*, Kuala Lumpur 1964, hlm. 180.

2.6. TULISAN JAWI DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN

Tulisan Jawi semenjak kelahirannya sehinggalah ke saat ini telah melalui berbagai-bagai perubahan dan penyesuaian bagi memantapkan lagi kegunaannya sebagai penyambung lidah masyarakat Melayu. Berdasarkan kepada fakta sejarah kita dapati pelajaran dan pendidikan Islam yang mula-mula diperkenalkan di Tanah Melayu ini adalah berbentuk pembelajaran al-Qur'an. Pada zaman kerajaan Melaka tahun 1400 – 1511M, pengajian al-Qur'an diberikan kepada rakyat menerusi institusi rumah, surau dan masjid. Ini dapat dilihat melalui pernyataan Munsyi Abdullah yang mengatakan :

" Maka tiadalah tentu satu atau dua tempat orang mengajar mengaji melainkan adalah dalam sepuluh dua belas rumah, seorang dua orang anak-anak mengaji al-Qur'an, bukannya bahasa Melayu, kerana demikianlah adat dalam segala negeri-negeri Melayu dalam dunia " ⁵²

Kehadiran tulisan Jawi ini sebenarnya telah membantu orang-orang Melayu dalam membaca al-Qur'an lebih-lebih lagi kerana ianya sangat sesuai dengan struktur linguistik mereka. Dalam hal demikian Rauf M.A. telah menyatakan :*"Pembacaan al-Qur'an yang betul dan mempelajari bahasanya dengan tulisan Jawi memulihkan orang-orang Islam bukan Arab melafaz kata-kata Arab yang ganjil bunyinya itu." ⁵³*

⁵² Munsyi Abdullah, *Kisah Pelayaran Abdullah*, Singapura 1965, hlm. 36.

⁵³ Rauf M.A., Op. Cit., hlm. 120

Ini bermakna untuk mempelajari al-Qur'an dan bahasanya maka seseorang itu hendaklah mahir dalam tulisan Jawi dan secara tidak langsung tulisan Jawi telah semakin diberi perhatian kerana sebagai seorang yang mengaku dirinya beragama Islam hendaklah ia membaca al-Qur'an dan mempelajari tafsirannya.

Banyak kajian telah dibuat untuk meninjau hubungkait antara penguasaan tulisan Jawi dengan kemahiran membaca al-Qur'an . Diantaranya ialah satu kajian yang dibuat oleh Abdullah Ishak seorang pensyarah di Universiti Malaya pada tahun 1980 mengenai kebolehan murid-murid Islam tingkatan satu di sepuluh buah sekolah menengah di Kedah dalam membaca Jawi disamping kebolehan membaca al-Qur'an . Beliau telah mendapati bahawa dari jumlah semua pelajar , terdapat 1,114 atau 47.7% yang dapat membaca dan menulis Jawi . Pelajar-pelajar yang boleh membaca al-Qur'an pula adalah seramai 1,197 atau 50.0% . Ini bermakna hanya terdapat 3.2% sahaja sisihan antara keduanya dan sekaligus ianya menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang mahir menulis dan membaca Jawi adalah mahir membaca al- Qur'an . Daripada keputusan kajian itu dapatlah disimpulkan bahawa memang terdapat hubungan antara kemahiran membaca Jawi dengan kemahiran membaca al-Qur'an ⁵⁴

Di Malaysia tulisan Jawi adalah amat dititik beratkan kerana agama Islam merupakan agama rasmi negara. Al-Qur'an sebagai sumber rujukan utama dalam agama telah membantu secara langsung kepada perkembangan

⁵⁴ Abdullah Ishak , *Op.Cit.*, hlm. 185-186

tulisan tersebut sehingga pada suatu ketika dahulu tulisan Jawi dijadikan sebagai tulisan utama bagi ilmu-ilmu Islam samada Feqah, Tauhid, tafsir dan lain-lain lagi. Walaupun kita dapati bahawa tulisan Jawi ini mempunyai kaedah penulisan yang agak berlainan dengan kaedah penulisan bahasa Arab namun ia tetap mempunyai asas sistem tulisan Arab sehinggakan orang yang mahir dalam tulisan Jawi adalah lebih mudah untuk mempelajari bahasa Arab daripada orang yang tidak tahu langsung tulisan Jawi..

2.7. TULISAN JAWI DAN PERMASALAHANNYA

Masyarakat masa kini masih lagi menggunakan tulisan Jawi walaupun penggunaannya itu tidak begitu meluas dan terbatas kepada golongan tertentu sahaja. Hal ini berlaku kerana bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi menggunakan tulisan rumi seperti yang ditetapkan oleh Parlimen Malaysia pada tahun 1963. Walau bagaimanapun Fasal 152(1) dalam Perlembagaan Persekutuan ada menyebut bahawa bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi bagi negara Malaysia boleh memilih salah satu tulisan samada rumi atau Jawi asalkan Parlimen membuat keputusannya⁵⁵. Walaupun peruntukan perlembagaan tidak menghalang penggunaan tulisan Jawi namun yang nyata kita dapati negara kita lebih cenderung untuk memilih tulisan rumi dan bukan Jawi sebagai tulisan yang digunakan dalam urusan-urusan rasmi kerajaan.

⁵⁵ Lihat Federal Constitution, The Commissioner of Law Revision, Malaysia 1997, Bahagian 12, Per. 152 (1) hlm. 143

Penulis berpendapat bahawa sepatutnya tulisan Jawi menjadi tulisan pertama dan diikuti pula dengan tulisan rumi memandangkan tulisan rumi yang didatangkan terkemudian daripada tulisan Jawi oleh penjajah .

Apa yang biasa dipertengahkan dalam tulisan Jawi ialah mengenai sistem ejaan Jawi, kaedah mengajarnya dan langkah-langkah untuk meletakkannya dalam kurikulum sekolah. Jarang sekali dibincangkan permasalahan yang dihadapi oleh tulisan Jawi itu sendiri sehingga menyebabkan ianya semakin terpencil dan dipinggirkan oleh masyarakat. Di sini penulis akan cuba mengetengahkan beberapa permasalahan tulisan Jawi dengan harapan suatu ketika nanti generasi Melayu akan datang lebih sensitif dan mengambil berat tentang betapa pentingnya dipelihara dan didaulatkan martabat tulisan Jawi agar ianya tidak mati begitu saja tanpa bernisan.

Di antara permasalahan yang dihadapi oleh tulisan Jawi sehingga ianya semakin dipinggirkan oleh masyarakat dapatlah disimpulkan kepada faktor-faktor berikut :-

a. Faktor Individu

Kebanyakan generasi muda sekarang kelihatan seperti sudah tidak berminat terhadap tulisan Jawi kerana mereka menganggap bahawa tulisan Jawi hanya digunakan dalam buku-buku yang berunsurkan keagamaan sahaja. Sedang pada masa yang sama minat golongan ini untuk mendalami ilmu-ilmu ugama adalah semakin hari semakin menipis kerana mereka terlalu sibuk dengan bahan-bahan bacaan berbentuk hiburan sahaja.

Persoalan yang belum menerima jawapannya sehingga sekarang ialah, adakah sekiranya majalah-majalah hiburan yang beraneka bentuknya ditulis dengan tulisan Jawi mampu untuk menarik golongan remaja untuk membacanya? Atau adakah ianya akan menghadapi kemerosotan penjualannya sebagaimana yang berlaku pada akhbar-akhbar tulisan Jawi?. Dan mungkinkah golongan remaja akan berminat untuk mempelajari tulisan Jawi kerana kebanyakan majalah-majalah hiburan adalah bertulisan Jawi?.

Sebenarnya tulisan Jawi bukanlah suatu yang secara langsung berkaitan dengan agama Islam sahaja malah hendaklah ianya dilihat juga sebagai sebahagian daripada bahasa Melayu yang kini diberi nama bahasa Malaysia. Jika semua orang dapat menerima bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan maka tiada sebab mengapa tulisan Jawi masih dipencilkan. Jika semua golongan dapat memahami hakikat ini maka mereka sepatutnya tidak menolak tulisan Jawi daripada digunakan secara meluas dan lebih bermakna.

b. Faktor Ibu Bapa

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa ibu bapa atau penjaga yang baik latarbelakang agamanya lebih gemar melihat anak-anak mereka baik dan cemerlang dalam tulisan Jawi. Ini adalah kerana mereka mengetahui bahawa untuk seseorang itu mahir dalam membaca al-Qur'an hendaklah ianya mahir dalam tulisan Jawi. Mereka yang semata-mata ingin melihat anaknya cemerlang dalam peperiksaan rasmi seperti PMR, SPM dan

STPM kebanyakannya tidak begitu menghiraukan samada anak-anak mereka dapat menulis dan membaca tulisan Jawi atau tidak. Oleh kerana pelajaran Jawi hanyalah suatu perkara yang berkaitan dengan pelajaran agama Islam dan pada masa yang sama pelajaran agama Islam tidak diwajibkan lulus dalam peperiksaan rasmi kerajaan maka tulisan Jawi akan turut berkedudukan sebagai mata pelajaran 'tempelan' sahaja.

Tanggapan yang begitu rupa sebenarnya mencerminkan kekacauan tanggapan besar anggota masyarakat kita yang mengaku sebagai pencinta bahasa Malaysia. Andainya benar sangkaan ini maka benarlah tulisan Jawi sedang menuju ke arah kepupusannya. Ibu bapa sepatutnya memahami bahawa tulisan Jawi adalah tulisan asal bahasa Melayu dan merupakan warisan budaya Melayu yang sepatutnya tidak dibiarkan pupus begitu saja.

C . Persaingan Dengan Tulisan Rumi.

Tulisan Jawi terpaksa bersaing dengan tulisan rumi yang telah dibawa oleh penjajah. Ternyata dalam persaingan ini tulisan Jawi telah hampir tewas untuk mendapat tempat dalam masyarakat . Ini ditambah lagi dengan kewujudan akta bahasa 1963 di mana tulisan rumi telah dijadikan sebagai tulisan rasmi bagi bahasa Melayu di Malaysia. Maka dengan itu telah tersingkirilah kedudukan tulisan Jawi untuk bahasa Melayu.

Selain dari itu orang-orang bukan Melayu tidak dapat menerima tulisan Jawi walaupun pada masa yang sama mereka boleh menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Hal ini kerana tanggapan mereka bahawa tulisan Jawi

adalah tulisan yang berkaitan secara langsung dengan agama Islam. Oleh kerana mereka bukan orang Islam maka mereka tidak dapat menerima penggunaan tulisan ini ⁵⁶.

c. Kelemahan Dalam Pedoman Ejaan

Pedoman-pedoman ejaan Jawi yang wujud selama ini masih banyak mempunyai kelemahannya. Ramai lagi penulis yang menulis mengikut selera ejaan masing-masing. Pedoman ejaan yang ada masih belum mampu untuk memberikan pedoman yang sempurna dan tidak dapat menyelaraskan semua ejaan bagi kata-kata dalam bahasa Melayu. Ini adalah disebabkan huruf-huruf vokal Jawi itu hanya mempunyai tiga sahaja (ا و ي) manakala dalam ejaan rumi terdapat enam vokal iaitu (a,i,u,o,e,c).

Ini bermakna huruf Jawi masih kurang untuk digunakan dalam bahasa Melayu dan ianya akan mengakibatkan penulis memikirkan cara sendiri untuk menampung kekurangan tersebut. Ini merupakan kekurangan yang besar dalam tulisan Jawi jika dibandingkan dengan tulisan rumi walaupun dari beberapa segi tulisan Jawi lebih baik daripada tulisan rumi khususnya dalam perkara yang berkaitan istilah keagamaan.

d. Wujudnya Golongan Yang Tidak Mahu Menerima Perubahan

Menurut Amat Juhari Moain bahawa terdapat segolongan kecil di kalangan orang Melayu sendiri yang dianggap sebagai konsovertif kerana tidak mahu

⁵⁶ Amat Juhari Moain , *Sejarah Tulisan jawi* , dalam *Jurnal Dewan Bahasa* , jilid 35 bil. 11 , November 1991 , hlm 1010

menerima sebarang perubahan yang berlaku dalam ejaan dan tulisan Jawi⁵⁷. Akibatnya mereka ini akan menentang segala perubahan dan pembaharuan contohnya huruf (ق) telah lama wujud dalam tulisan Jawi akan tetapi masih lagi ada golongan yang menolak huruf ini daripada digunakan dalam bahasa Melayu. Mereka ini masih mempertahankan penggunaan (ف) untuk (p) dalam tulisan Rumi. Menurut beliau lagi, golongan ini sebenarnya tidak ramai dan kebiasaannya terdiri dari golongan yang masih mempertahankan kaedah ejaan Jawi Za'aba. Penulis berpendapat bahawa perkara yang sebegini rupa sebenarnya akan menambahkan lagi kecelaruan dalam ejaan Jawi dan sepatutnya ianya tidak wujud kerana ianya merupakan perkara remeh dan kecil.

e. Sikap Kerajaan Terhadap Tulisan jawi

Sebagaimana yang telah disentuh sebelum ini bahawa tulisan jawi dahulunya merupakan tulisan utama kepada orang-orang Melayu sehinggalah dengan wujudnya Akta Bahasa 1963 yang menetapkan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi bagi bahasa Melayu tanpa menyebut di manakah kedudukan tulisan Jawi. Perkara ini telah menyebabkan tulisan Jawi semakin terpinggir di kalangan orang Melayu sendiri lebih-lebih lagi apabila kerajaan di suatu ketika dahulu pernah menghapuskan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan di sekolah.

Walaupun kita dapati di tahun 1970 tulisan Jawi dimasukkan semula dalam matapelajaran bahasa Melayu di sekolah, namun ianya tidak mampu menandingi tulisan Rumi. Sehingga sekarang pun kita dapati pelajar-pelajar

⁵⁷ Ibid., hlm. 1011

yang mengambil subjek Agama Islam masih tidak diwajibkan menjawab dalam tulisan Jawi. Penulis berpendapat sepatutnya pihak berwajib mengambil sikap yang serius untuk menangani permasalahan buta Jawi , di antaranya melalui usaha mewajibkan pelajar menggunakannya dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan Agama Islam kerana dengan ini pelajar akan merasa terpacu untuk mendalami Jawi untuk lulus dalam peperiksaan.

2.8. Penutup

Demikianlah sejarah perkembangan tulisan Jawi semenjak dari kewujudannya di alam Melayu sehinggalah ke zaman ini . Ianya telah mencapai zaman kegemilangannya kerana pada masa itu tulisan Jawi hanya satu-satunya tulisan yang digunakan oleh orang Melayu di samping ianya mendukung kebudayaan dan tamaddun orang Melayu.

Suatu gerakan besar-besaran hendaklah dijalankan oleh pihak berwajib dengan bantuan para pencinta tulisan Jawi demi menjaga ketuanan dan kewibawaannya . Segala ketidakseragaman dalam sistem ejaan hendaklah diselaraskan dan dicarikan penyelesaiannya. Urusan-urusan yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal agama hendaklah dijalankan dengan tulisan Jawi agar penggunaannya lebih meluas dan bermakna.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa bangsa Melayu akan kehilangan identitinya sekiranya tulisan Jawi hapus dimamah zaman. Warisan pusaka berzaman ini mengharapkan penjagaan dan pemeliharaan dari orang

Melayu dan janganlah berlaku umpama kata pepatah Melayu "***Kera Di Hutan Disusukan , Anak Di Rumah Mati Kelaparan***". Tulisan rumi yang dibawa oleh penjajah dipelihara kedudukannya dan diagungkan penggunaannya sedangkan tulisan Jawi yang mereka lahirkan sendiri dalam keadaan yang amat menyedihkan.